

23/02/1997

Jenayah pelajar serius: PM (HL)

Kamal Ahmad; Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kes jenayah membabitkan pelajar seperti penyalahgunaan dadah serta samseng, kini sangat serius dan tidak boleh disembunyikan lagi.

"Saya berpendapat, kalau sudah sampai membabitkan budak-budak sekolah, ini serius."

"Walaupun kita sebut perkara ini secara terbuka, sehingga kini kebanyakan kita nak sembunyikannya dan tak mahu tunjuk keburukan kita. Tapi kalau tak tunjuk keburukan kita, maka perkara ini akan merebak," katanya mengulas laporan berhubung penahanan ramai pelajar kerana disyaki terbabit dalam pelbagai kes jenayah termasuk penyalahgunaan dadah dan pembunuhan.

Sepanjang minggu ini saja, polis menahan 95 pelajar di Johor dan Pahang yang disyaki terbabit dalam kegiatan kongsi gelap serta pengedaran dan penagihan ganja.

Sebelum itu, polis turut menahan tujuh pelajar untuk disoal siasat berhubung kes pembunuhan seorang pelajar Sekolah Menengah Datuk Abdul Rahman Yassin, Johor Bahru.

Menurut Dr Mahathir, gejala itu merebak dan bertambah buruk kerana sikap lepas tangan dan tindakan semua pihak yang menyembunyikan perkara berkenaan.

Katanya, kerajaan juga boleh dipersalahkan tetapi tanggungjawab yang sama sebenarnya terletak di bahu semua pihak, khususnya ibu bapa dan masyarakat.

"Kes samseng pun satu masalah. Ada budak dipukul hingga mati. Banyak masalah yang kita hadapi sebab masing-masing kata ini bukan tanggungjawab dia dan perkara ini akan terus berlaku," katanya.

Dr Mahathir berkata keupayaan kerajaan untuk mengawasi semua masalah adalah terhad dan sebahagian tanggungjawab itu perlu dipikul oleh masyarakat.

"Kita tidak ada kemampuan nak periksa semua sekolah kerana jumlah penuntut bukan sedikit. Jadi semua pihak mestilah bertanggungjawab termasuk guru, guru besar, guru disiplin, Jabatan Pendidikan, orang ramai dan ibu bapa."

"Kementerian cuba disiplinkan pelajar. Tetapi nak disiplinkan kanak-kanak bukan sahaja tanggungjawab guru dan kementerian, sebaliknya ibu bapa juga kena ambil berat."

"Kalau ibu bapa tak ambil berat langsung kadang-kadang pula mengecam pihak sekolah, susahlah kita nak disiplin pelajar."

"Masyarakat sendiri kena ambil pendirian. Apakah masyarakat nak biar perkara ini terus kerana kita tak mahu buat sesuatu yang mungkin menyakitkan hati orang atau kita nak ambil tindakan. Kalau kita tak ambil tindakan, saya yakin tak lama lagi anak-anak kita sendiri akan terbabit dengan dadah," katanya.

Selain dadah, kerajaan perlu menangani gejala lain seperti kes lepak, bohsia, pencemaran alam dan pembuangan sampah.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis Jamuan Hari Raya dan Tahun Baru Cina anjuran Kelab Bukit Perdana di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Abdul Halim Ali.

(END)